



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD2 (88)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM KOMUNITI KELUARGA MALAYSIA HOGOHO BERA 2021 ERATKAN PENDUDUK SETEMPAT

---

**21 NOVEMBER 2021** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan Program Komuniti Keluarga Malaysia Hogoh Bera 2021 yang telah bermula pada 20 - 21 November 2021, bertempat di Felda Kumai, Triang, Bera.

Program yang mendapat kerjasama Persatuan Wau dan Layang-Layang Pahang (PELAYANG), Tourism Pahang dan Felda Kumai, Triang, Bera ini merupakan satu program sentuhan komuniti yang bertujuan mengangkat, menerap serta memperkukuhkan nilai-nilai murni dan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat, khususnya Keluarga Malaysia di kawasan Bera. Ia juga bagi mempromosikan produk-produk usahawan seni dan budaya yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai satu *niche* komuniti di bawah industri pelancongan budaya.

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri dalam ucapan penutup program berkata, MOTAC melalui semua agensinya harus memastikan usaha yang lebih agresif dapat dijalankan bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan segmen pelancongan budaya. Pendekatan yang baharu dan kreatif perlu diberi keutamaan sebagai elemen utama produk pelancongan dalam usaha untuk mempromosikan Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian bangsa, bahasa dan budaya yang menarik.

Tambah beliau, Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dan Dasar Pelancongan Negara (DPN) di bawah MOTAC haruslah berupaya untuk memelihara, memulihara dan melindungi seni warisan ketara dan tidak ketara supaya sentiasa lestari agar mudah dilawati atau dikunjungi pelancong-pelancong terutama pelancong luar negara.

Dalam majlis yang sama juga, YAB Dato' Sri Ismail Sabri turut berkesempatan menyampaikan sumbangan Bantuan Prihatin Penggiat Seni Pahang kepada 22 orang pemain industri yang terkesan akibat penularan wabak pandemik COVID-19. Turut disampaikan ialah pemberian bantuan Insentif Seni kepada 9 buah persatuan seni budaya, melibatkan peruntukan sebanyak RM 71,900.00, Anugerah Penggiat Seni kepada 5 orang penerima terpilih serta Anugerah Seni kepada Roslan Madun yang merupakan Maestro Syair Nusantara.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya yang turut hadir menyatakan program ini diadakan secara pendekatan turun padang oleh agensi-agensi Kerajaan bagi mendekatkan diri kepada masyarakat melalui penglibatan komuniti di peringkat akar umbi. Program seperti ini juga secara tidak langsung dapat membantu masyarakat dalam bentuk khidmat sosial dan kebolehcapaian perkhidmatan kerajaan secara “*outreach*” dengan elemen pendekatan “kami bekerja bersama anda”.

Antara pengisian menarik yang telah diatur sepanjang dua hari pelaksanaan program ialah jualan produk usahawan seni budaya, pertandingan sukan rakyat, kenduri rakyat, pertandingan masakan tradisi, demonstrasi permainan dan pembuatan Wau Pungguk serta pertandingan pencarian bakat yang menerapkan elemen Keluarga Malaysia diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri.

*#ComingBackStronger*  
*#KeluargaMalaysia*  
*#BekerjaUntukRakyat*

---

*Dikeluarkan oleh:*  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**  
*Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181*  
*Website: [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) Email: [info@motac.gov.my](mailto:info@motac.gov.my)*  
*Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac*